

Lawatan Anwar catat kejayaan, erat hubungan KL-Riyadh

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Empat kejayaan dan peluang pelaburan yang dicapai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim di Arab Saudi, berjaya menolak dakwaan pihak pembangkang yang cuba mempolemikkan isu lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri ke negara Asia Barat itu.

Ketua Pengarah Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mohammad Agus Yusoff, berkata di Makkah, Anwar mengadakan pertemuan dengan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Liga Muslim Dunia.

Perdana Menteri katanya, turut menyaksikan pemeteraian tiga memorandum persefahaman (MoU) iaitu antara Dagang Nexchange Bhd dan Ajlan dan Bros Holding Group Co; Dewan Perniagaan Antarabangsa Kuala Lumpur dan Wadi Makkah Knowledge Co; serta Qhub International Sdn Bhd dan Eromman Technologies Sdn Bhd.

'Pembangkang sengaja hendak malukan PM'

Dari Muka 1

"Ketiga, Anwar turut mendengar taklimat ahli perniagaan Malaysia mengenai pembabitan meluas mereka dalam bandar futuristik Neom, yang juga projek mega terbaharu Arab Saudi serta pelbagai peluang pihak industri dari Malaysia di sana.

"Keempat, beliau juga membincangkan isu yang melanda dunia Islam dan inisiatif membina jaringan, berdasarkan nilai serta kerjasama bersama.

"Justeru, tidak berjaya lagi lawatan Anwar dengan apa yang sudah dilakukan dalam tempoh tiga hari lawatannya ke Arab Saudi?

"Jika tidak berjaya lagi, saya tidak tahu apa ukuran kejayaannya dari kaca mata pihak pembangkang," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohammad Agus turut mempertikaikan tindakan pembangkang yang membuat dakwaan mengenai kegagalan delegasi Perdana Menteri susulan tiada pertemuan dengan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz dan Putera Mahkota, Mohammed Salman.

"Dalam hal ini, Perdana Menteri sudah menjelaskan sebabnya. Sebenarnya, pimpinan Arab Saudi sudah memohon supaya kunjungannya dipanjangkan dua hari lagi untuk meneruskan pertemuan dengan pimpinan negara itu kerana Raja Salman dan Putera Mahkota menukar jadual mereka menjelang Ramadan.

"Namun, Anwar terpaksa menolak dan berjanji akan datang lagi. Beliau menolak kerana pada 25 Mac (kelmarin) beliau dan Kabinet ada majlis berbuka puasa dengan Yang di-Pertuan Agong dan esok (hari ini) lawatan sehari ke Kemboja, serta Rabu depan, lawatan ke China untuk bertemu dengan dua pemimpin besar China, Xi Jinping dan Li Qiang," katanya.

Malah, jelas Mohammad Agus lagi, Raja Salman dan Putera Mahkota adalah pemimpin luar pertama yang menzahirkan ucapan tahniah kepada Anwar selepas beliau mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri pada 24 November 2022.

"Jadi, apa masalahnya dengan lawatan Anwar ke Arab Saudi tidak dapat berjumpa dengan pemimpin mereka? Masalahnya ialah pemimpin pembangkang sengaja hendak memalukan PM dan bermain politik," katanya.

Beliau turut menjelaskan ketiadaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dalam delegasi ke Arab Saudi disebabkan kunjungan Anwar itu tidak berkaitan urusan agama.

Sementara itu, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Ahmad Farhan Fauzi, menjelaskan lawatan Anwar sangat berhasil, malah memperkukuhkan hubungan Putrajaya-Riyadh dalam tempoh pentadbiran singkat.

Katanya, jadual Perdana Menteri sangat padat dan tersusun, mengadakan pertemuan dengan OIC dan badan Liga Muslim Dunia di Makkah, selain menyaksikan beberapa pemeteraian MoU penting membabitkan lapangan perniagaan dan industri.

"Anwar turut menekuni beberapa permasalahan mendesak yang merundung dunia Arab dan Islam serta menyantuni komuniti serta mahasiswa Malaysia di Arab Saudi," katanya.

Beliau turut menggesa pihak tertentu menghentikan polemik sedemikian dan bersama mendukung usaha Kerajaan Perpaduan, memperkukuhkan imej Malaysia, selain memantapkan kerjasama dan hubungan luar negara.

"Jadi, apa masalahnya dengan lawatan Anwar ke Arab Saudi tidak dapat berjumpa dengan pemimpin mereka? Masalahnya ialah pemimpin pembangkang sengaja hendak memalukan PM dan bermain politik"



Mohammad Agus Yusoff,
Ketua Pengarah J-KOM
di Jabatan Perdana Menteri